

Buletin IQRA'

2026

Bil. 1/2026 - Januari • eISSN: 2735-1920

KHAZANAH JAWI TERUS DIPELIHARA



PTAR UiTM Shah Alam menerima penyerahan Koleksi Jawi daripada Muhammad Nur Aiman bin Mohd Zuki dalam satu sesi bermakna yang turut melibatkan perbincangan mengenai pendigitalan dan pengembangan koleksi Jawi sebagai warisan ilmu bangsa, selaras dengan usaha memelihara khazanah untuk generasi akan datang



BENGKEL PRIME UiTM: COORDINATOR EXCELLENCE

21 Januari 2026 | Platform: Google Meet

Unit Literasi Maklumat, Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan, PTAR telah menganjurkan Bengkel PRIME UiTM: Coordinator Excellence yang bertujuan memperkuat kefahaman dan keupayaan Koordinator PRIME dalam pengurusan serta pelaksanaan PRIME.

Bengkel ini juga berperanan memperkasa Koordinator PRIME melalui penerangan berkaitan peranan dan tanggungjawab, penyelarasan hala tuju PRIME UiTM, pemantapan dokumentasi serta perkongsian penyelesaian terhadap isu dan cabaran sebenar bagi proses semakan dan verifikasi penerbitan universiti.

Penganjuran bengkel ini memberi penekanan kepada:

- ✓ Kefahaman hala tuju dan objektif PRIME
- ✓ Pemantapan peranan Koordinator PRIME
- ✓ Pengurusan dokumentasi dan pembuktian yang tepat
- ✓ Perkongsian isu, cabaran dan penyelesaian secara kolektif

Seramai 40 orang koordinator (Pustakawan) dan pembantu pustakawan dari seluruh cawangan hadir serta Encik Ahamed Zuber Mohamed (Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan) turut bersama-sama dalam bengkel ini. Bengkel ini dibahagikan kepada 4 sesi yang telah disampaikan oleh:

- Puan Eza Eliana A. Wahid (Ketua Unit Literasi Maklumat)
- Puan Zuhaslinda Sulaiman (Seksyen Sokongan Penyelidikan)
- Puan Nik Zatihulwani Jamaludin (Seksyen Sitasi dan Infometrik)

Semoga bengkel ini dapat menjadi platform perkongsian ilmu dan amalan terbaik dalam memastikan pengurusan PRIME UiTM yang lebih sistematik dan berimpak tinggi serta menyumbang kepada kecemerlangan akademik universiti secara berterusan.





@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

*Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam*